



PERBADANAN PRODUKTIVITI MALAYSIA

TERMA RUJUKAN

**PEMBEKAL BAGI PERKHIDMATAN PENCERAMAH,
FASILITATOR DAN PENULIS LAPORAN**

**BAGI
PELAKSANAAN PROGRAM
INISIATIF *BEHAVIOURAL INSIGHTS (BI)* 2021**

DI

**KEMENTERIAN PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN
HAL EHWAL PENGGUNA**

TAJUK:

***Consumer Behavioural Insight Towards Acceptance for Online Food
Delivery Services***

1. LATAR BELAKANG PROGRAM

11. Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) telah diberi mandat oleh Kerajaan untuk melaksanakan inisiatif *Behavioural Insights* (BI) di Malaysia pada tahun 2021, selari dengan aspirasi Kerajaan untuk menggunapakai kaedah BI dalam membangunkan polisi awam dan peraturan yang berkualiti dan berkesan.
12. Penggubalan dasar berunsurkan perihal tingkah laku menekankan tentang kepentingan mengkaji pelbagai pengaruh, memberi perhatian kepada faktor-faktor sosial, psikologi dan ekonomi yang mempengaruhi pemikiran dan perlakuan seseorang individu. Ianya juga menangani pelbagai maklumat termasuk birokrasi, teknologi dan penyampaian perkhidmatan yang sering diabaikan dalam penggubalan dasar tetapi akan mempengaruhi keberkesanan pembangunan program.
13. Penggunaan kaedah *Behavioural Insights* (BI) dalam penggubalan sesuatu polisi atau peraturan dapat menjadikan intervensi kerajaan lebih berkesan dengan kos pematuhan peraturan yang lebih rendah. Inisiatif-inisiatif BI perlu diperbanyakkan supaya dapat meningkatkan kesedaran penggubal polisi dan peraturan seterusnya berupaya meningkatkan produktiviti negara

2. OBJEKTIF LANTIKAN PEMBEKAL

Objektif lantikan pembekal merangkumi perkhidmatan slaku **Penceramah, Fasilitator dan Penulis Laporan** bagi inisatif BI adalah seperti berikut:

- i. Menerangkan tentang konsep, framework dan keberkesanan pelaksanaan BI di peringkat kementerian;
- ii. Membincangkan dan mengenalpasti keadaan semasa, isu dan cabaran yang dihadapi oleh kementerian dalam menguatkuasakan polisi awam;
- iii. Membantu kementerian membangunkan instrumen pelaksanaan projek; dan
- iv. Mengesyorkan pelan tindakan dan penambahbaikan dan penyelesaian yang bersesuaian untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan penyampaian kerajaan.

3. SKOP PERKHIDMATAN PEMBEKAL

3.1 Penceramah

Penceramah perlu memastikan elemen berikut di terangkan kepada penggubal polisi:

- i. Pengenalan BI
- ii. Penerangan tentang konsep BI
- iii. Framework BI
- iv. Amalan terbaik pelaksanaan BI
- v. Kaedah pelaksanaan BI di kementerian/agensi

3.2 Fasilitator

Perbincangan terperinci akan diadakan bersama penggubal polisi bagi membincangkan isu dan permasalahan. Tugas fasilitator adalah seperti berikut:

- i. Memudahkan sesi perbincangan kumpulan mengenai isu-isu berkaitan;
- ii. Memberikan pandangan dan idea berkenaan isu-isu berkaitan semasa perbincangan kumpulan; dan
- iii. Menyediakan dapatan sesi perbincangan atau laporan perbincangan selepas sesi perbincangan kumpulan.
- iv.

3.3 Penulis Laporan

Pembekal perlu menyediakan laporan rekomendasi inisiatif BI meliputi perkara berikut:

- i. Latarbelakang
- ii. Penyataan Masalah
- iii. Objektif Pelaksanaan BI
- iv. Skop projek
- v. Metodologi yang dilaksanakan
- vi. Rekomendasi pelaksanaan intervensi
- vii. Kesimpulan

4. TEMPOH PERKHIDMATAN

- 4.1 Tempoh pelaksanaan perkhidmatan adalah 3 bulan dari tarikh surat lantikan dikeluarkan. Jadual pelaksanaan inisiatif BI adalah seperti di Lampiran 1

5. KOS PERKHIDMATAN PEMBEKAL

- 5.1 Kos perkhidmatan pembekal berjumlah RM 20,000 seperti di Lampiran 2.

LAMPIRAN 1**CARTA PERBATUAN PELAKSANAAN INISIATIF BI**

Bil.	Aktiviti	April			Mei				Jun			
1)	Penceramah (2 sesi)											
2)	Fasilitator (2 sesi)											
3)	Penulis Laporan											

LAMPIRAN 2**KOS PERKHIDMATAN PEMBEKAL**

Aktiviti	Kadar Bayaran	Kuantiti	Jumlah
Penceramah	RM300/jam	6 jam x 2 sesi =12	RM3,600.00
Fasilitator	RM 250/jam	6 jam x 2 sesi =12	RM3,000.00
Penulis Laporan	RM200/muka surat	67 muka/surat	RM13,400.00
Jumlah			RM20,000.00